

30 kakitangan UMS-KAL hadir Kursus Penyelesaian Masalah

UB 20/05/2012 AT

LABUAN: Seramai 30 kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) telah menghadiri Kursus Kemahiran Penyelesaian Masalah dan Membuat Keputusan di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 11, Bangunan Menara universiti pada 17 dan 18 Mei lalu.

Kursus dua hari itu dikendalikan oleh fasilitator dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Sabah, Dr Noorhisham Mohd Alwi.

Antara objektif pembelajaran kursus itu ialah mengenalpasti elemen perlu dalam pembelajaran tindakan dan berfikir secara kreatif menyelesaikan masalah.

Selain itu, untuk mengadaptasi kitaran dalam mengenalpasti, menganalisa, mencari punca, memberi cadangan penyelesaian, melaksana dan memantau pelaksanaan.

Dr Noorhisham berkata

kemahiran menyelesaikan masalah adalah satu ketrampilan pengurusan yang perlu ada pada seorang pegawai eksekutif.

“Ketrampilan ini akan memberi kelebihan kepada kita jika dibandingkan dengan rakan sejawat yang lain,” katanya.

Menurutnya, walaupun ianya penting, ramai yang memberi keutamaan kepada pembangunan ketrampilan berkenaan.

Beliau turut menjelaskan tahap-tahap dalam penyelesaian masalah iaitu persembahan masalah, merangka semula masalah, mengenalpasti punca-punca kepada masalah, membangun alternatif penyelesaian, menilai pilihan penyelesaian memilih yang terbaik dan melaksana penyelesaian.

Semua peserta mengadakan perbincangan dalam kumpulan dan pembentangan latihan yang diadakan.